

SERANGAN REJIM SYRIA DI SELATAN

# 12,000 penduduk lari, Moscow bantu serbuan udara

**Burayqah:** Barangan milik mereka bertimbun, golongan tua Syria yang hilang tempat tinggal bergelut menahan hembusan angin ketika mengetatkan tarpaulin putih pada bangka besi penempatan baharu sementara di selatan negara itu. Mereka adalah antara ribuan yang lari ketika serangan tanpa henti rejim Syria sejak beberapa hari lalu di wilayah dikuasai pemberontak di selatan Damsyik.

Bimbang serangan darat kekal, penduduk lari membawa apa saja yang mampu dicapai. Antara pertolongan didirikan di sebidang tanah tandus di perkampungan ini dalam wilayah Quneitra, berdirinya rumah Ali al-Homsi dan keluarganya. Mereka lari daripada pengeboman hebat bandar Kafr Shams, terletak di pinggir jajahan antara wilayah Deraa, Quneitra dan Damsyik.

Kawasan itu terkenal sebagai Segi Tiga Kematian akibat pertempuran berdarah di sana sejak perang Syria meletus pada 2011. "Saya tidak bercadang datang

ke sini, namun pengeboman sengit sejak beberapa hari lalu memaksa kami berpindah terutama selepas ia membunuh orang tersayang. Kami hanya mampu mendirikan khemah, namun tiada air dan keperluan asas untuk hidup," kata Homsi, 36. Selepas menetralkan kubu kuat pemberontak di pinggir ibu kota, Presiden Bashar al-Assad menukar perhatian ke selatan, tempat bermulanya pemberontakan tujuh tahun menentang beliau.

Pemberontak masih mengawal majoriti wilayah selatan di Deraa dan Sweida, dengan pengeboman setakat ini bertumpu di bandar dan perkampungan antara keduanya sejak beberapa minggu lalu. Namun, Selasa lalu pengeboman diperhebat dan sejak itu menyorbankan 18 orang awam serta memaksa 12,000 penduduk lari, menurut Pemantau Hak Asasi Manusia Syria (SOHR).

Lebih enam juta orang hilang tempat tinggal sejak 2011 termasuk sejuta tahun ini sahaja.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memberi amaran, pertempuran di selatan meletakkan 750,000 orang berisiko.

### Tawan kawasan strategik

Dalam pada itu, jet pejuang Syria menyerang bandar ditawan pembangkang di barat daya Syria semalam, kata sumber dalam tentangan dibantu Moscow untuk menawan kawasan strategik bersempadan Jordan dan Bukit Golan.

Dua pusat pengesan yang memantau pergerakan pesawat tentera merekodkan sekurang-kurangnya 20 serangan di Busra al Harir, timur laut Deraa, kata dua sumber kepada Reuters.

"Kami mengesan kumpulan lima jet pejuang Russia yang melakukan 25 serbuan," kata sumber.

Assad berikrar untuk menawan semula kawasan strategik sensitif dan tentera meningkatkan serangan di sana minggu lalu, mengancam zon 'selamat' dipersetujui AS dan Russia tahun lalu. **AFP/REUTERS**

### Fakta nombor

**1** JUTA hilang tempat tinggal sepanjang tahun ini

**6** JUTA hilang tempat tinggal sejak 6 tahun lalu

[ FOTO AFP ]



**Warga Syria kehilangan tempat tinggal** akibat pengeboman sengit yang berterusan di selatan negara itu sejak beberapa minggu lalu.